

Jurnal syariah pertama diterbitkan

Jabatan Kehakiman Syariah Perak dapat kerjasama strategik daripada USAS dan UKM

Oleh **NORMAWATI ADNAN**
IPOH

Jabatan Kehakiman Syariah Perak mengorak langkah ke arah pemantapan pentadbiran dan perundangan menerusi penerbitan Jurnal Syariah Perak Al-Qanun.

Jurnal pertama diterbitkan itu mengandungi artikel analisis sejarah ilmu al-Qadi mengenai kedudukan dalam hukum syarak dan pemakaiannya di Mahkamah Syariah Malaysia, alasan dan ulasan penghakiman.

Ketua Hakim Syariah Perak, Ab Rahman Thobroni Mohd Mansor berkata, jurnal terbabit akan diterbitkan secara berkala setiap tahun, bermula tahun ini.

Menurutnya, bagi penerbitan selung

ini, jabatan telah mendapat kerjasama strategik daripada Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Penerbitan jurnal ini merupakan sebahagian pelan strategik di bawah dimensi pemantapan pentadbiran dan perundangan Islam untuk mewujudkan mahkamah yang memenuhi aspek syariah *compliance*, *master*, *accountability*, *respectable* dan *technology* atau singkatannya SMART.

"Penghargaan juga kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAPK) yang banyak membantu dalam urusan penerbitan jurnal syariah ini dari segi sumbangan dana serta buah fikiran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Jurnal Syariah Perak Al-Qanun Vol 1 2022 di Casuarina@Meru di Meru Raya dekat sini pada Isnin.

Pelancaran Jurnal Syariah Perak Al-Qanun Vol 1 telah disempurnakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Dalam pada itu, Ab Rahman Thobroni berkata, di bawah SMART, dua tindakan



Sultan Nazrin berkenan menyempurnakan Jurnal Syariah Perak Al-Qanun Vol 1 2022 di Casuarina@Meru di Meru Raya pada Isnin.

sedang diambil iaitu membangunkan sistem elektronik kehakiman syariah Perak yang dikenali e-KSPERK dan mewujudkan pusat khidmat setempat di Ibu Pejabat.

Katanya, pembiayaan kedua-dua projek berkenaan memecah belanja hampir RM1.2 juta.

"Aspek pemeraksanaan undang-undang syariah juga sentiasa dijalankan melibatkan substantif dan subsidiari antaranya mengkaji keperluan, memperuntukkan punca kuasa dan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam Undang-undang Tubuh Negeri," jelas beliau.